

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 ( SELASA )**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa pusat pembelian padi yang telah diwujudkan dan mengapa had jarak pengutipan pusat pembelian tidak lagi dikuatkuasakan seperti dahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan asal penubuhan pusat belian padi adalah untuk memberi kemudahan kepada para pesawah menjual hasil padi mereka terutamanya bagi kawasan yang tidak mempunyai kilang padi berhampiran. Sehingga kini terdapat sebanyak 199 lesen pusat membeli padi yang aktif beroperasi di seluruh negara.
  
2. Pada masa ini, dalam mempertimbangkan permohonan pembukaan pusat belian padi baharu, Kementerian masih mengambil kira jumlah pusat belian dan kilang padi sedia ada berbanding pengeluaran padi di sesuatu kawasan. Perkara ini bagi memastikan:

- i. kewujudan pusat belian ditempat yang tidak sesuai menjaskan operasi pengilang padi sedia ada terutamanya dalam persaingan mendapatkan bekalan padi dan

**NO. SOALAN : 20**

menyebabkan beberapa kilang kecil dan sederhana tidak mampu bersaing serta terpaksa ditutup;

- ii. pusat belian padi baharu di kawasan yang telah mempunyai kilang padi berhampiran akan mewujudkan '*double handling*' yang sekaligus yang menyebabkan kos padi meningkat dan perlu ditanggung oleh kilang; dan
- iii. penghantaran padi ke pusat belian padi dan tidak dihantar terus ke kilang juga mengakibatkan berlaku susut nilai padi (berat dan mutu) yang dihasilkan oleh pesawah dan sekaligus mengurangkan pendapatan pesawah.

Sekian, terima kasih.